

BULETIN

2023

MDN



MAJLIS DAERAH NABAWAN



<https://mdnabawan.sabah.gov.my>



md.nbw@sabah.gov.my

PERTUKARAN PEGAWAI EKSEKUTIF MAJLIS DAERAH NABAWAN

17 JULAI 2023



Sesi serah tugas Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Nabawan Encik Harun Ariffin dengan Encik Mumin Amsah telah diadakan pada 17 Julai 2023 bertempat di bilik mesyuarat Majlis Daerah Nabawan pada Jam 10.00 Pagi dihadiri oleh Pengerusi Majlis Encik Peter Jiton, Ketua-Ketua Unit dan semua kakitangan Majlis Daerah Nabawan.

BENGKEL RESOLUSI I HIJAU



22 OGOS 2023

Majlis Daerah Nabawan telah menyertai Bengkel Resolusi I Hijau Tindakan Bersepadu PBT dan Masyarakat Zon 2 memfokuskan kepada cadangan atau kaedah penyelesaian masalah persekitaan setempat menerusi pendekatan Inisiatif HIJAU KKTP sejajar dengan usaha melestarikan amalan hijau bagi menyokong Pembangunan Lestari, Hala Tuju Sabah Maju Jaya - Pelan Pembangunan SMJ 1.0:2021-2025, Dasar Landskap Negeri Sabah dan Inisiatif KKTP ke Arah Masyarakat Rendah Karbon. Majlis Daerah Nabawan diwakili oleh Pegawai Eksekutif, semua Ketua Unit dan 14 orang Ahli Majlis Daerah Nabawan di Taman Bandukan Riverside Resort Keningau pada 22 ogos 2023, 8.00 pagi hingga 5.00 petang.



OPERASI PEMERISAAN BERSAMA JABATAN/AGENSI BIL.3 TAHUN 2023



23 OGOS 2023



Pihak KPDNKK cawangan Keningau telah mengadakan operasi bersama dengan Majlis Daerah Nabawan, Jabatan Kesihatan Nabawan dan Balai Polis Daerah Nabawan pada 23 Ogos 2023 bermula pada jam 9.15 Pagi. Pemeriksaan termasuk Gerai, tapak tamu dan premis perniagaan di sekitar Daerah Nabawan. dalam Operasi tersebut pemeriksaan tanda harga, lesen dan kebersihan premis telah dilakukan.



GOTONG -ROYONG PERDANA



05 SEPTEMBER 2023

Majlis Daerah Nabawan telah mengadakan gotong-royong perdana sempena bulan kebangsaan 2023 pada 05 September 2023 bermula pada jam 7.00 pagi. Antara yang turut serta dalam program ini terdiri daripada Jabatan Kerajaan, peniaga dan Kakitangan Majlis Daerah Nabawan.

GOTONG -ROYONG PERDANA

05 SEPTEMBER 2023



OPPO Reno4
MD.NABAWAN / 2023 09 05 08:57



OPPO Reno4
MD.NABAWAN / 2023 09 05 08:07



PERSIDANGAN TAHUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH TAHUN 2023

07 SEPTEMBER 2023

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah telah menganjurkan Persidangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2023 pada 07 September 2023 hingga 09 September 2023. Majlis Daerah Nabawan telah diwakili oleh Pegawai Eksekutif Encik Mumin Amsah, Penolong Pegawai Tadbir Encik Pearl A Bisit dan Penolong Jurutera Encik Muhd. Sufi Jasni



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DI MAJLIS DAERAH KENINGAU

18 SEPTEMBER 2023

Majlis Daerah Nabawan telah mengadakan program Lawatan Sambil Belajar di Majlis Daerah Keningau pada 18 September 2023. Antara pengisian yang di adakan adalah Taklimat Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kutipan Hasil dan Pelesenan serta Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) aktiviti sebelah petang diadakan perlawanan persahabatan futsal lelaki dan boleh tampar wanita dan campuran.



UJIAN SARINGAN AIR KENCING KAKITANGAN MAJLIS DAERAH NABAWAN

20 SEPTEMBER 2023

Majlis Daerah Nabawan telah melaksanakan Program Saringan Air Kencing kepada semua kakitangan Majlis Daerah Nabawan sempena Minggu Integriti Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (MIK) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan cawangan Keningau (AADK) pada 20 September 2023, jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Nabawan. Semua ujian air kencing kakitangan adalah bebas daripada penyalahgunaan dadah.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DI TADIKA OUR LADY

20 SEPTEMBER 2023

Lawatan sambil belajar Unit Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Puan Amirah Hasinin dan kakitangan PSH ke Tadika Our Lady, Nabawan, bersama Sr. Maria pada 03 Oktober 2023 (Selasa) untuk ambil idea inovasi taman dan landskap serta bertukar bibit bunga.



PROGRAM KAUNTER ADUAN BERGERAK (KAB) DI TAMU NABAWAN

21 OKTOBER 2023

Pihak Biro Pengaduan Awam telah mengalu-alukan penglibatan pihak Majlis Daerah Nabawan untuk menjayakan Program Kaunter Aduan Bergerak (KAB) Pada 21 Oktober 2023 bertempat di Tamu Nabawan pada jam 8.00 Pagi hingga 2.00 Petang, program ini dilaksanakan bertujuan untuk mendekati masyarakat bagi membolehkan orang ramai memberikan maklum balas mengenai mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian Kerajaan di Daerah Nabawan.



PROGRAM KAUNTER ADUAN BERGERAK (KAB) DI TAMU NABAWAN

21 OKTOBER 2023



PENYERAHAN SUMBANGAN BAJA KOMPOS DAN ANAK POKOK BUNGA

25 OKTOBER 2023



Penyerahan sumbangan baja kompos dan anak pokok bunga kepada Penyelea Tadika Consolata Nabawan, Sr Maria

OPERASI BERSAMA MEMANTAU KAWASAN PEKAN NABAWAN

08 NOVEMBER 2023



Operasi bersama memantau kawasan pekan Nabawan telah diadakan pada 08.11.2023. Antara yang terlibat dalam menjayakan operasi ini terdiri daripada Ahli Majlis Daerah Nabawan, Jabatan Kesihatan Nabawan, Balai Polis Nabawan dan Jabatan veterinar Nabawan.

PROGRAM OROU KATULAIAN AM PASISIMPUNGAN 1.0, PIBG SKL 2023

14 DISEMBER 2023



Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Majlis Daerah Nabawan Puan Nur Amirah Hasinin di jemput bagi memberi taklimat kepada pihak sekolah mengenai, peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengangani Isu Anjing Liar.

